



# Sepasang kembar 'hadiah' penantian 11 tahun

► Oleh Rashiqah Ilimi Abd Rahim  
[rashiqah@bharian.com.my](mailto:rashiqah@bharian.com.my)

**U**SAHA memiliki zuriat sememangnya keutamaan mereka yang mahu segera bergelar ibu bapa selepas berkahwin. Namun, ada kalanya keinginan itu menjadi 'mengidam' apabila bulan demi bulan berlalu tanpa sebarang tanda-tanda si kecil penyeri rumah tangga bakal menjadi nyata.

Jika setahun dua menunggu, tidak mengapa tetapi apabila tempoh menunggu terus meningkat angkanya, seiring pertambahan usia, pasti gundah yang lebih bersarang di hati dan boleh mencetuskan pertengkaran suami isteri. Tuding menuding jari menuduh siapa puncanya, hanya mengundang duka daripada suka dan lebih malang lagi apabila bahtera dibina, ranap hanya kerana ketiadaan zuriat.

Namun, bagi yang pasrah dan sedar erti usaha tanpa mengalah, akan berikhtiar untuk memiliki bayi. Kesedihan ditolak ke tepi kerana apa yang penting adalah usaha. Daripada asyik memendam perasaan, berusaha dengan memanfaatkan perkembangan teknologi perubatan masa kini sekurang-kurangnya mampu membawa kepada jalan penyelesaian.

Malah kewujudan pertubuhan seperti Yayasan Fertiliti Tunku Azizah (TAFF) turut dianggap antara jalan membantu pasangan ini.

Seorang ibu misalnya, pernah berputus asa untuk menimang cahaya mata apabila disahkan mengalami masalah kesuburan. Namun bantuan (TAFF) memberinya sinar baru apabila disahkan hamil kembar dua selepas menjalani teknik persenyawaan tabung uji (IVF) dengan bantuan yayasan itu pada tahun lalu.

Berkat kesabaran, doa dan keberkatan Allah SWT, terbukti percubaan kali pertama untuk menimang cahaya mata menerusi teknik IVF membuahkan hasil 'luar biasa' apabila mereka dikurniakan

▶▶ Tunku Azizah bersama Qasriena Irdina yang menjadi kebanggaan Paurizan dan Mansor.



# Berkat sabar

BIA 19/6/12 MS H/S.



## INFO

### Teknik tabung uji

■ *In-vitro Fertilisation* (IVF) atau bayi tabung uji ialah satu kaedah yang mana persenyawaan benih lelaki dan telur perempuan dilakukan di luar tubuh wanita iaitu di makmal.

■ Embrio yang diperoleh itu dimasukkan kembali ke dalam rahim.

### Siapa sesuai?

■ Wanita yang mengalami masalah saluran falopian tersumbat akibat masalah seperti jangkitan kuman, penyakit endometriosis dan lain-lain.

■ Pasangan yang sudah lama berkahwin tanpa anak dan sudah menjalani berbagai kaedah rawatan kesuburan.

■ Suami yang alami masalah kekurangan sperma sihat.



*Hanya Tuhan saja yang mengetahui perasaan saya apabila doktor menyatakan saya tidak boleh hamil dan ketika itu impian untuk mendapatkan cahaya mata sudah menjadi perkara mustahil"*

**Paurizan Musa**  
ibu



► Tunku Azizah melayan bayi kembar sambil diperhatikan Paurizan dan Mansor.

bukan seorang sebaliknya sepasang kembar yang selamat dilahirkan pada 4 Jun lalu di Pusat Perubatan Darul Ehsan (DEMC), Shah Alam, Selangor.

Inilah pengalaman pasangan suami isteri, Mansor Mohd Salleh, 46, dan Paurizan Musa, 37, yang tidak pernah menyangka impian mereka selama 11 tahun untuk mendapatkan cahaya mata berakhir dengan kelahiran kembar perempuan dan lelaki, Qasriena Irdina dan Qhaliff Arfan.

Selain menjadi penyeri rumah tangga, dua bayi comel yang dinanti kehadiran mereka sejak sekian lamanya turut membuktikan betapa andai ada kesabaran dan ikhtiar, pasti ada hasilnya.

Mengimbau kembali sewaktu hidup mereka kesunyian tanpa zuriat, Paurizan mengakui hatinya sedih tetapi menyerahkan perkara itu kepada takdir.

"Saya enggan bersedih dan membiarkan masalah itu berlarutan, apa lagi menyedari kemungkinan untuk mengandung semakin tipis kerana usia meningkat.

"Hanya Tuhan saja yang mengetahui perasaan saya apabila doktor menyatakan saya tidak boleh hamil dan ketika itu impian untuk mendapatkan cahaya mata sudah menjadi perkara mustahil," katanya selepas menerima kunjungan Penaung TAFF, Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar, di DEMC, baru-baru ini.

Namun, apabila disahkan hamil selepas mengikuti kaedah IVF tahun lalu, Paurizan berdepan tekanan lain pula.

"Perasaan ketika itu memang tertekan malah apabila sampai satu peringkat ketika disahkan hamil, saya hanya berbaring dan tidak mahu

bergerak, bimbang kandungan gugur," katanya.

Bagaimanapun, beliau bersyukur kerana sepanjang tempoh rawatan, suami dan keluarga ada di sisi memberikan sokongan moral dan sentiasa memahami.

Bagi pasangan Mohadzir Abdul Rani, 38, dan isterinya Suriati Khalid, 37, yang turut bergelar ibu bapa kali pertama menerusi kaedah tabung uji, kehadiran Nurul Najdatul Naqiyah pada 14 April lalu membuatkan rumah tangga mereka semakin meriah terutama selepas menunggu selama 13 tahun.

Suriati pada asalnya disahkan tidak boleh mendapatkan cahaya mata secara normal.

"Seperti dilakukan pasangan lain yang mengalami masalah kesuburan, saya telah mencuba pelbagai alternatif rawatan moden dan tradisional namun tidak mendapat

sebarang petanda bakal memiliki cahaya mata.

"Malah pada peringkat awal menerima rawatan IVF, saya dan suami tidak menaruh harapan untuk memiliki anak kerana doktor memberitahu kami agar tidak terlalu berharap kerana peluangnya tipis.

Meskipun diberi harapan tipis, Suriati tetap berusaha menjalani pelbagai rawatan kesuburan dan rela membiarkan badan disuntik berkali-kali dalam usaha mendapatkan zuriat. "Kesusahan itu tidak sia-sia setelah disahkan hamil," katanya.

Ketika ditanya mengenai kesukaran dihadapinya sepanjang tempoh mengandung, Suriati berkata, dia bersyukur kerana tidak mengalami sebarang alahan.

Bagi Mohadzir, rumah tangga mereka kini lebih bermakna dengan kehadiran Najdatul yang akan menjadi permata seterusnya dapat mengeratkan lagi kasih sayang.



**“** *Seperti pasangan lain yang mengalami masalah kesuburan, saya mencuba pelbagai alternatif rawatan moden dan tradisional namun tidak mendapat sebarang petanda bakal memiliki cahaya mata”*

**Suriati Khalid**  
Ibu

## 5,000 mohon bantuan dapat zuriat teknik IVF

**S**ELEPAS lapan tahun penubuhannya, Tabung Fertiliti Tunku Azizah (TAFF) berjaya membantu lebih 395 pasangan seluruh negara mendapatkan cahaya mata menggunakan IVF.

Dalam tempoh berkenaan juga, TAFF menerima 5,000 permohonan daripada pasangan yang tidak mempunyai zuriat untuk mendapatkan khidmat dan penajaan.

Berdasarkan jumlah permohonan, Selangor adalah negeri yang paling banyak memohon untuk mendapatkan khidmat yaysan itu.

Penaung TAFF, Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar, berkata pihaknya akan terus berusaha membantu memberi rawatan teknik IVF kepada wanita yang tidak mampu mendapatkan anak secara normal.

"Bagi wanita yang gagal mengandung secara normal, mereka tidak seharusnya berputus asa,

sebaliknya perlu mencuba dengan teknik IVF yang terbukti berjaya.

"Saya berharap lebih ramai wanita yang tidak mampu mendapatkan anak secara normal mendaftar dengan tabung ini bagi memberi peluang kepada mereka memperoleh cahaya mata," katanya.

Bagaimanapun, Tunku Azizah berkata, TAFF perlu melakukan saringan teliti sebelum memilih pasangan menjalani IVF itu bagi memastikan mereka memenuhi syarat ditetapkan.

"Kita memberi keutamaan kepada pemohon lama yang memenuhi kriteria umur, gaji, tempoh perkahwinan tanpa mengira bangsa dan agama.

"Namun, pasangan baru berkahwin yang mengalami masalah untuk mendapatkan zuriat juga boleh memohon awal," katanya.

Tunku Azizah berkata, TAFF sedang menunggu kelahiran kembar tiga pada masa terdekat.

